



# FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 32 | Mei 2024 - Zulkaedah 1445H

## MENELADANI KREDIBILITI NABI YUSUF



وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ  
رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ  
عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ  
عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ

Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa.

(Yusuf : 24)

### TEGUH IMAN

- 01 Teguh iman ketika berhadapan dengan godaan isteri pembesar Mesir.
- 02 Teguh iman dengan rela memilih dipenjarakan berbanding kekal tinggal di rumah pembesar Mesir.
- 03 Teguh iman dengan kekal yakin Allah akan pertemuan dia dengan ayahnya dan saudaranya yang dikasihi.
- 04 Teguh iman dengan sentiasa menyatakan kebenaran.



Yusuf dicampakkan Allah keikhlasan apabila baginda memilih untuk melihat ke arah "BURHAN" Allah dan bukannya melihat ke arah isteri al-Aziz ketika pelbagai alasan boleh dibisikkan Syaitan kepada Baginda untuk menghalalkan perbuatan berkenaan.



Menurut al-Raghib al-Asfahani, Burhan bererti untuk menunjukkan suatu kebenaran, menunjukan suatu kebohongan. Ia juga membawa maksud menunjukkan sesuatu yang mendekati benar dan untuk menunjukkan sesuatu yang mendekati salah. Untuk menunjukkan suatu kebenaran atas suatu kesalahan ataupun sebaliknya.

- Ayat ini merakamkan apa dalam hati Yusuf dan isteri al-Aziz. Itulah rakaman yang sama dalam buku catatan amalan kita membabitkan perihal dalam hati kita. Hati yang bersih sentisa dalam Burhan Allah.
- Peliharalah apa yang datang dalam hati kita kerana Allah tahu siapa yang berdosa dalam hatinya sebelum diterjemahkan dalam bentuk tindakan. Kita diberi akal untuk melakukan perkara baik (ganjaran pahala) dan perkara buruk (ganjaran dosa)
- Orang beriman dikurniakan mata hati, mata hatilah yang membezakan kita dengan mereka yang tidak beriman. Itulah "mata" yang menyebabkan Yusuf melihat isteri al-Aziz sebagai godaan yang menjijikkan dan menghinakan.

Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam  
UiTM Cawangan Selangor